

23/10/2001

440,000 pesara nikmati pelarasan pencen

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Seramai 440,000 pesara kerajaan akan turut menikmati pelarasan pencen pada kadar 10 peratus mulai 1 Januari tahun depan.

Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam, berkata perkara ini disahkan oleh Jabatan Pencen, hari ini.

"Sebagai contoh jika pencen bulanannya RM500, pesara itu mendapat kenaikan RM50," katanya.

Siva berkata, pelarasan ini adalah selaras dengan kenaikan gaji 10 peratus untuk kakitangan perkhidmatan awam yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, Jumaat lalu.

Beliau berkata, pelarasan untuk pesara akan membabitkan perbelanjaan kerajaan kira-kira RM500 juta setahun.

"Pelarasan ini adalah satu gerakan membabitkan pesara yang cukup besar. Ia tentunya dapat mengurangkan beban kewangan pesara," katanya.

Sebelum ini, pesara kerajaan menikmati pelarasan 10 peratus seperti kakitangan perkhidmatan awam yang berkhidmat ketika pelarasan terakhir pada 1999.

Sementara itu, peningkatan kadar pencen sebanyak 10 peratus mulai Januari depan dijangka meringankan bebanan golongan pesara kerajaan.

Tinjauan Berita Harian di ibu kota mendapati, kebanyakan warga pesara gembira dengan kenaikan itu yang selaras dengan kenaikan gaji kakitangan kerajaan.

Pesara, Nasrodin Abdul Wahab, 57, berkata pesara kerajaan berasa bertuah kerana mendapat pertimbangan kerajaan untuk mendapat menaikkan kadar pencen selaras kenaikan gaji kakitangan kerajaan.

"Selain mengurangkan beban yang ditanggung, kenaikan itu boleh membantu menambah tabungan pesara," katanya.

Beliau yang sebelum ini bertugas sebagai tenaga pengajar Institut Kemahiran Mara (IKM) berkata, kenaikan itu kena pada masanya berikutan kadar kenaikan pelbagai barangan keperluan di pasaran termasuk minyak petrol.

(END)